



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**Untuk Siaran Segera**

**2 OKTOBER 2018**

### **KERAJAAN AKAN MEMPERLUASKAN PEKHIDMATAN PUSAT UJIAN KOMPUTER (KPP01) KEPADA INSTITUT MEMANDU**

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia akan memperluaskan perkhidmatan pusat ujian berkomputer (KPP01) kepada Institut Memandu (IM) bermula pada .....2018.
2. Ia bakal dilaksanakan oleh IM yang mendapat tiga (3) bintang ke atas pada penggredian tahun 2017. Jumlah IM yang telah mendapat tiga (3) bintang ke atas adalah sebanyak 150 IM daripada jumlah 220 IM di seluruh negara.
3. Buat masa kini, terdapat 118 Pusat Ujian yang beroperasi di seluruh Malaysia bagi memudahkan calon mengambil ujian KPP01 dibawah pengendalian sepenuhnya oleh Approved Site (AS) eKhidmat iaitu MyEG, KOMMS dan MySPEED.
4. Di antara skop perkhidmatan Ujian Bahagian 1 Berkomputer KPP01 adalah;
  - a. Pendaftaran Calon Baru (semakan senarai hitam);
  - b. Perkhidmatan Penjadualan dan Pengambilan Ujian secara atas talian untuk Ujian Bahagian 1 Berkomputer;
  - c. Menyediakan sistem untuk Kemaskini Pengesahan dan Kedatangan Seminar KPP dan Kursus Asas 6 jam;
  - d. Menjalankan Ujian Bahagian 1 Berkomputer di 'Approved Site'.

5. Kementerian melihat Pusat Ujian Berkomputer adalah tidak eksklusif kepada beberapa Syarikat Konsesi sahaja. Pengoperasian Pusat Ujian Komputer boleh diperluaskan kepada penyedia perkhidmatan yang lain.
6. Justeru, bagi penambahbaikan perkhidmatan, Ujian Bahagian 1 Berkomppter secara atas talian (online) akan dilaksanakan oleh Institut Memandu yang terpilih.
7. IM yang terpilih dan ingin melaksanakan Ujian Bahagian 1 Berkomppter secara atas talian boleh mengemukakan permohonan dengan syarat mempunyai infrastruktur dan spesifikasi teknikal yang terperinci dan lengkap yang akan dikenal-pasti kemudian. Walau bagaimanapun, secara umumnya, infrastruktur yang diperlukan adalah seperti berikut:
  - a. Bilik Ujian Bercermin Lutsinar
  - b. Bilik Server (Berasingan dan berkunci)
  - c. Komputer Ujian
  - d. Komputer Latihan
  - e. Talian Komunikasi (Leased line/ ISDN/ Streamyx etc)
  - f. Bilik Ujian dilengkapi dengan Kamera Litar Tertutup (CCTV).
8. Di antara impak peluasan perkhidmatan ujian berkomputer adalah:
  - a. Memberi peluang kepada calon untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih dekat.
  - b. Memudahkan calon untuk mengambil ujian berkomputer tanpa perlu pergi ke Pusat Komputer MyEG, KOMMS dan MySPEED yang terletak di luar lokasi IM, hanya perlu mengambil ujian di Institut Memandu yang menawarkan perkhidmatan ini.
  - c. Mewujudkan One Stop Centre bagi pelaksanaan latihan dan ujian memandu kepada calon termasuk halatuju pengeluaran lesen kepada calon.

- d. Menggalakkan pertambahan bilangan IM yang mendapat tiga (3) bintang ke atas. Hala tuju penggredan adalah supaya IM dapat mencapai sekurang-kurangnya tiga (3) bintang dalam penggredan sekaligus meningkatkan penawaran perkhidmatan yang lebih baik.
  - e. Mengurangkan monopoli perkhidmatan dan tidak mengehadkan peluang perniagaan kepada sesetengah syarikat sahaja.
  - f. Meluaskan capaian urusniaga JPJ kepada pelanggan. Pelanggan lebih mudah untuk berurusan dengan JPJ dan mempunyai banyak pilihan untuk melakukan urusniaga.
9. Sehubungan itu, usaha ini dilihat mampu untuk menambah baik proses mengambil lesen memandu dan seterusnya membantu bagi memajukan lagi industri pelesenan memandu di negara ini.

**-TAMAT-**